

Google Ads Pay only for what works with Google Ads.

Get Started

## Paling Popular

Terkini

Hadi beri peringatan kepada umat Islam, termasuk Raja-Raja

19 jam lepas

Taib Mahmud kembali ke rahmatullah

sejam lepas

Shafee: Surat Lembaga Pengampunan tentang Najib bukan sulit

Zarrah Morden  
13 jam lepas



mk BERITA

Shamz Johari/malaysiakini

## KPF janji bayar tunggakan RM22.9 juta jualan saham ahli

Diterbitkan: Feb 16, 2024 9:00 PM · Dikemaskini: 9:10 PM

Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF) memberi jaminan akan membayar penebusan jualan saham kepada anggota koperasi itu dari bulan Feb hingga Julai tahun lalu yang berjumlah RM22.9 juta. Bagaimanapun menurutnya, penebusan syer selebihnya akan dibayar secara berkala mengikut ketersediaan tunai dan mengikut keutamaan pemohon yang benar-benar memerlukan.

"KPF menyatakan komitmen dalam menangani aduan anggota berkaitan tunggakan penebusan syer yang melebihi tempoh enam bulan iaitu daripada bulan Februari hingga Julai 2023 yang berjumlah RM22.9 juta menjelang akhir bulan Mac 2024.

"Permohonan penebusan selebihnya akan dibayar secara berkala mengikut sistem penggiliran serta ketersediaan tunai.

"Walau bagaimanapun, keutamaan akan diberikan kepada permohonan yang mempunyai bukti sokongan seperti urusan haji, sakit kritis atau lain-lain urusan yang munasabah mengikut pertimbangan dan kelulusan lembaga," katanya dalam satu kenyataan malam ini.

Terdahulu, sekumpulan anggota KPF [menyerbu pejabatnya](#) di Kuala Lumpur hari ini bagi menuntut penjelasan mengenai kelewatan bayaran penebusan jualan saham dan dividen.



COACH

SHOP NOW



COACH

SHOP NOW



## Branded Content

Explore Cenviro's unwavering commitment to create a circular waste management system



## Branded Content

Roczen® comes to Malaysia.

A doctor-led, digital care model selected by NHS England to deliver specialist lifestyle intervention to tackle obesity and type 2 diabetes.



Wakil kumpulan tersebut, Mohammad Rosli Yaakob berkata kelewatan pembayaran tersebut berlaku sejak tahun lalu.

Pada awalnya, pihaknya merancang untuk mengadakan sidang media tetapi mereka kemudian dijemput ke satu perjumpaan bersama pengurusan tertinggi KPF.

All day, every day, low fares

Fly Jetstar to Singapore and Beyond  
Kuala Lumpur / Penang → Singapore  
From RM74<sup>\*</sup>

Book now

One way, excludes checked baggage. Includes taxes. Prices are quoted in Malaysian Ringgit and are based on fee-free payment options such as debit/credit cards, Union Pay and Jetstar vouchers. Selected travel dates and conditions apply.



Menurut Rosli, pada perjumpaan terbabit, KPF berjanji akan menyelesaikan pembayaran tunggakan dividen dan tuntutan penebusan penjualan saham selewat-lewatnya awal Mac ini.

Dalam pada itu KPF memaklumkan penebusan syer ketika ini adalah melebihi jumlah langganan dan koperasi itu terpaksa menggunakan tunai yang diperuntukkan untuk operasi perniagaan semasa, menyebabkan aktiviti pelaburan dan perniagaannya terkesan.

KPF turut memaklumkan pihaknya dalam proses menyediakan tunai tambahan melalui beberapa eksesais seperti pelupusan aset pelaburan dan mengenal pasti sumber-sumber kewangan yang lain.

"Selain itu, agihan dividen yang diputuskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-42 pada 22 Jun 2023 berjumlah RM108 juta telah dibayar sepenuhnya," kata kenyataan itu lagi.



Rafizi, menteri akan 'terbakar' sendiri jika

'Takkanlah tak kenal Noorshila Amin?'

'GOLD 1' milik Agong, menang dengan bidaan